

DYNALEXIN DRY SYRUP

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Cephalexin Monohydrate (125mg/5ml, 250mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dynalexin Dry Syrup
2. Bagaimana Dynalexin Dry Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dynalexin Dry Syrup
4. Cara menggunakan Dynalexin Dry Syrup
5. Semasa menggunakan Dynalexin Dry Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dynalexin Dry Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dynalexin Dry Syrup

Cephalexin adalah antibiotik semi-sintetik cephalosporin untuk kegunaan secara oral.

Ia digunakan dalam rawatan jangkitan yang disebabkan oleh terdedah kepada mikroorganisma berikut:

- jangkitan saluran pernafasan
- Otitis Media (jangkitan pada telinga)
- Jangkitan kulit dan tisu lembut
- Jangkitan tulang dan sendi
- Jangkitan saluran kencing, termasuk Prostat akut
- Jangkitan Dental

Bagaimana Dynalexin Dry Syrup berfungsi

Cephalexin adalah bakteria yang berfungsi dengan menghalang sintesis dinding sel.

Sebelum menggunakan Dynalexin Dry Syrup

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan Dynalexin Dry Syrup pada pesakit yang diketahui alahan dengan kumpulan antibiotik Cephalosporin.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Dynalexin Dry Syrup jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Dynalexin Dry Syrup jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika:

- Sebelum ini anda mempunyai tindak balas hipersensitiviti kepada cephalosporins, penicillin atau ubat lain.
- mempunyai masalah buah pinggang.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Dynalexin Dry Syrup

- Berapa banyak harus digunakan

Cara percampuran

1. Goncang untuk melonggarkan serbuk.
2. Tambah air yang baru direbus dan sejuk lebih kurang separuh jumlah akhir (30 ml atau 50 ml) dan goncang.
3. Tambah lagi air sehingga tanda isipadu akhir (60 ml atau 100 ml) dicapai dan goncang.

Untuk digunakan dalam tempoh 7 hari dari rekonstitusi.

Dewasa: Julat dos dewasa dari 1-4g setiap hari dalam dos yang dibahagikan; kebanyakan jangkitan akan bertindak balas dengan dos 500mg setiap 8 jam. Untuk jangkitan kulit dan tisu lembut, streptococcal pharyngitis (jangkitan pada belakang tekak termasuk tonsil), dan jangkitan saluran kencing yang ringan, dos yang biasa adalah 250mg setiap 6 jam, atau 500mg setiap 12 jam. Untuk jangkitan yang lebih teruk atau yang disebabkan oleh organisma kurang terdedah, dos yang lebih besar mungkin diperlukan. Jika dos harian Cephalexin lebih besar daripada 4g diperlukan, cephalosporins parenteral, dalam dos yang sesuai, perlu dipertimbangkan.

Warga tua dan pesakit dengan fungsi buah pinggang yang lemah: Bagi orang dewasa. Kurangkan dos jika fungsi buah pinggang terjejas dengan ketara.

Kanak-kanak: Dos yang biasa disyorkan setiap hari untuk kanak-kanak adalah 25-50mg / kg (10-20mg / lb) dalam dos dibahagikan. Untuk jangkitan kulit dan tisu lembut, sakit tekak streptococcal, dan jangkitan saluran kencing ringan, tidak rumit, jumlah dos harian boleh dibahagikan

dan diberikan setiap 12 jam. Bagi kebanyakan jangkitan, jadual berikut adalah dicadangkan:

Kanak-kanak di bawah 5 tahun: 125mg setiap 8 jam.

Kanak-kanak 5 tahun ke atas: 250mg setiap 8 jam.

Dalam jangkitan yang teruk, dos boleh digandakan. Dalam terapi otitis media (jangkitan pada telinga), kajian klinikal telah menunjukkan bahawa dos 75 hingga 100mg / kg / hari dalam 4 dos dibahagikan diperlukan.

Dalam rawatan jangkitan streptococcal beta-hemolitik (jangkitan bakteria yang menyebabkan kemusnahan lengkap sel-sel darah merah (hemolisis)), dos terapeutik perlu diberikan sekurang-kurangnya 10 hari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan loya, muntah-muntah, kesakitan atau rasa tidak selesa di bahagian atas abdomen, cirit-

DYNALEXIN DRY SYRUP

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Cephalexin Monohydrate (125mg/5ml, 250mg/5ml)

birit dan hematuria (kehadiran darah dalam air kencing).

Semasa menggunakan Dynalexin Dry Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan
Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dynalexin Dry Syrup.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Dynalexin Dry Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Adalah disyorkan untuk kurangkan dos pada pesakit dengan kerosakan buah pinggang yang teruk.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Dynalexin Dry Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan Dynalexin Dry Syrup termasuk:

Gastrosus: Loya dan muntah-muntah telah dilaporkan jarang. Kesan sampingan yang kerap adalah cirit-birit. Pencernaan yg terganggu dan sakit perut juga telah berlaku.

Hipersensitiviti: reaksi alahan seperti ruam, ruam kulit yang gatal, angioedema (bengkak di bawah permukaan kulit), dan *multiforme erythema*, sindrom *Stevens-Johnson*, dan *Toxic Epidermal Necrolysis*.

Anaphylaxis juga telah dilaporkan. Masalah darah: *eosinophilia* (jumlah eosinophil, sel darah putih yang melawan penyakit yang luar biasa tinggi), *neutropenia* (tahap sel darah putih yang luar biasa rendah), *thrombocytopenia* (jumlah platelet yang rendah dalam darah) dan anemia hemolitik telah dilaporkan.

Lain-lain: Ini termasuk kemaluan dan dubur, *genital candidiasis* (penumbuhan yis yg terlalu cepat dalam faraj), *vaginitis* (keradangan faraj) dan keputihan, pening, keletihan, sakit kepala, keresahan, kekeliruan, halusinasi, arthralgia (sakit sendi), artritis dan penyakit sendi. Reversible interstitial nephritis (kegagalan buah pinggang untuk menapis sisa dan lebihan cecair daripada badan dengan betul) telah dilaporkan jarang.

Dynalexin Dry Syrup boleh menyebabkan alahan yang teruk dan tindak balas kulit yang serius. Berhenti menggunakan Dynalexin Dry Syrup dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut: kemerahan pada kulit, melepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Consumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Dynalexin Dry Syrup

- Penyimpanan
Jauhi dari kanak-kanak. Pastikan bekas ditutup rapat. Jangan simpan melebihi 30°C.

Lindungi daripada cahaya. Simpan dalam peti sejuk selepas dilarutkan.

- Pelupusan
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Dynalexin Dry Syrup 125mg/5ml

- Rupa dan warna produk
Serbuk berwarna putih. hijau muda dalam ampai, legap, dengan rasa vanila apabila ditambah air.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Cephalexin Monohydrate

- Bahan tidak aktif
Aerosil 200, Sodium Benzoate, Sugar, Sodium Metabisulphite, Green S, Sodium Lauryl Sulfate, Sodium Saccharin, Vanilla Flavour, Brilliant Blue, Xanthan Gum(Rhodigel)

Dynalexin Dry Syrup 250mg/5ml

- Rupa dan warna produk
Serbuk berwarna putih. hijau muda dalam *suspension*, legap, dengan rasa vanila apabila ditambah air.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Cephalexin Monohydrate

- Bahan tidak aktif
Aerosil 200, Sodium Benzoate, Sugar, Sodium Metabisulphite, Green S, Sodium Lauryl Sulfate, Sodium Saccharin, Vanilla Flavour, Brilliant Blue, Xanthan Gum(Rhodigel)

- Nombor MAL

Dynalexin Dry Syrup 125mg/5ml
MAL07031083AZ

Dynalexin Dry Syrup 250mg/5ml
MAL07031092AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran DYNAPHARM (M) SDN. BHD.
2497, Mk. 1, Lorong Perusahaan Baru 5, Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600 Perai, Pulau Pinang, MALAYSIA

Tarikh kemaskini RiMUP
18/03/2026

Nombor Siri
BPFK(R4/1)230517/00110